

KONVENTSYEN
ANTIDADAH PENDIDIKAN PENCEGAHAN

ANJURAN

BIRO HAL-EHWAL WANITA
PEMADAM KEBANGSAAN

"PERANAN IBU-BAPA DALAM MENDIDIK
ANAK-ANAK – MASALAH KEREMAJAAN
DAN CARA-CARA MENGATASINYA"

Oleh

Cik Siti Zubaidah A. Hamid
Unit Kaunseling
Universiti Sains Malaysia
Minden
11800 Pulau Pinang
Malaysia

8HB. DAN 9HB. JUN, 1990
DI HOTEL GRAND CONTINENTAL
ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

PERANAN IBU-BAPPA DALAM MENDIDIK ANAK-ANAK –
MASALAH KEREMAJAAN DAN CARA-CARA MENGATASINYA

oleh

SITI ZUBAIDAH A. HAMID

Remaja adalah satu peringkat umur belasan tahun yang dilalui oleh manusia apabila umurnya meningkat lebih daripada sepuluh tahun. Di dalam peringkat umur inilah seseorang itu mengalami perubahan yang banyak dan cepat samada di dalam jiwaanya atau tubuh badannya.

Apakah ciri-ciri remaja atau zaman remaja? Sungguhpun ada perbezaan individu atau perseorangan di kalangan remaja, masih wujud ciri-ciri sejagat atau universal. Sebagai ibu bapa atau pendidik, kita sebaiknya menyedari perkembangan dan pertumbuhan remaja untuk membantu kita memahami gadis atau teruna remaja.

Oleh kerana zaman remaja adalah merupakan zaman transisi dari alam kanak-kanak ke alam dewasa ianya adalah masa yang penuh dengan berbagai masalah. Tetapi ini tidak bermakna bahawa pada tahap lain dalam hidup kita tidak menghadapi masalah.

Remaja dalam zaman transisi berkecimpung dengan masalah yang seterusnya menjadikan remaja itu satu masalah kepada orang-orang yang berdampingan dengannya. Mengapa tidaknya. Jika dilihat sekeliling kita, masalah remaja yang terlibat dengan penagihan dadah, masalah pengangguran, masalah kerja, perhubungan dan sebagainya.

Oleh kerana remaja adalah zaman transisi maka banyak masalah dihadapi oleh seorang itu. Perubahan dan transisi bererti transformasi perubahan. Perubahan bererti mengantikan pemikiran serta tabii yang lama dengan sikap, nilai dan tabii yang baru. Perubahan juga membawa pengertian penyuaian. Kerisauan dan ketegangan yang mengacu pada kestabilan serta ketenteraman menyusuli setiap usaha penyesuaian.

Masa ini merupakan masa yang penuh dengan cabaran dan ketegangan emosi atau mempunyai "storm and stress". Kemaja yang sejakkan kanak-kanaknya disediakan untuk memasuki alam dewasa dikatakan lebih senang menyesuaikan diri ke alam dewasa.

Remaja yang dibesarkan dalam suasana di mana mereka diberi penezaian yang minima untuk kebebas kemungkinannya akan menghadapi masa lahir menyesuaikan diri mereka ke alam dewasa.

Peluang-peluang yang diberikan oleh ibu bapa untuk remaja berdiskuti dan bertanggungjawab di atas perbuatan dan tindak banduk mereka serta kejayaan melaksanakan peluang-peluang tersebut juga menentukan senang susahnya remaja itu beralih menjadi orang dewasa.

Kebanyakan remaja hari ini mempunyai pelbagai hasrat ketika melalui zaman transisi ini. Mereka mahukan kebebasan bergaul dan memiliki teman atau rekan, mereka mahukan kebebasan memilih